

NEGERI YANG SEMBILAN (DRAFT PERTAMA)

JILID DUA

NORHALIM H. IBRAHIM

BAB

LIMPAH

BELAS

BAB 15

PEMECATAN

DATUK

HAJI

SAHIL

BAB LIMA BELAS

PEMECATAN DATUK HAJI SAHIL

Dengan selesainya segala persediaan yang dibuat secara hati-hati dan teliti Weld telah bersedia untuk melepaskan suatu pukulan jitu ke atas kerajaan Rembau. Pada 26 Mac Weld telah belayar ke Melaka menaiki KDR Champion dengan diiringi oleh kapal perang KDR Foxhound yang sengaja dibawa untuk menunjukkan kekuasaan; di samping menunjukkan bahawa jika kau perlu tentera tambahan boleh di'apati' dengan semerta (Sheriff Khan, 1986: 47). Pemergian telah di'iringi oleh Lord Clifford yang sedang mengunjunginya di Singapura. Ketibaan Weld telah disambut oleh W.F.B. Paul Residen Sungai Ujung, F.A. Swettenham Residen Selangor, D.F.A. Hervey Residen Kounseletor Melaka dan pembesar-pembesar Melayu seperti Raja Idris, Raja Kahar Selangor, Datuk Kelana dan Datuk Spahbandar Sungai Ujung, Datuk Muda Linggi, Yamtuan Antah Seri Munanti serta pembesar-pembesar Rembau - Datuk Haji' Sahil, 23 orang Datuk Lembaga dan Syed Hamid (Thio, 1969: 37).

Mulai 27 Mac Swettenham, Hervey dan Raja Idris telah mengumpulkan maklumat dan mengutip bukti daripada saksi-saksi. Tugas tersebut telah di'сполни'kan pada 30 Mac. Gabenor, setelah melihat maklumat-maklumat tersebut telah membuat keputusan bahawa "ibunya telah mencukupi untuk bertindak" (Thio, 1969: 37) mendakwa Datuk Haji' Sahil. Pada sebelah

lepas jam 8.30 malam, Weld telah memanggil kesemua yang terlibat dalam krisis Rembau dan beserta dengan tetamunya untuk menemuinya di Rumah Stadt. Mereka yang hadir adalah Datuk Haji Sahil ('orang terdakwa'), Syed Hamid, Orang Besar Penghulu Rembau, Datuk Lembaga Tiang Balai⁽²⁾ dan Datuk Lembaga Yang Duabelas⁽³⁾ yang dikenali sebagai Kepala sayap Kerajaan Rembau. Tetamu kehormat Gabenor pula adalah Yamtuan Antah Seri Munanti, Raja Idris Perak, Raja Kahar anak Sultan Abdul Samad Selangor, Raja Abdullah anak almarhum Sultan Selangor, Datuk Kelana Lela Setia Mohamad Yusof, Datuk Syahbandar Ahmad Sungai Ujung serta Datuk Mudo Linggi. Pegawai-pegawai tinggi British pula adalah Hervey, Swettenham, dan Paul. Turut hadir dalam mahkamah kangaroo itu adalah pegawai peribadi Gabenor iaitu Brown setiausaha dan dua orang ajudan, Kapten Tunnard dan Leftenan Hugh Cholmondely (Shenifer Ichan, 1986: 47).

'Perbicaraan' itu bermula dengan suatu sidang pleno di mana, mengikut Gullick (1976: 13)

Weld telah mengumumkan keputusannya menolak permintaan meletakkan Rembau di bawah sistem

Residen, yang telah dibuat oleh musuh-musuh⁽⁴⁾ Datuk Haji Sahil. Weld telah menolak permintaan

itu atas sebab-sebab yang dinyatakan di akhir bab lalu, dan Gullick telah menyatakan

satu lagi sebab iaitu "Rembau tidak mempunyai Undang-Undang". Weld selanjutnya meng-

isytiharkan bahawa orang Rembau sebulat suara meminta kerajaan British mengadakan hubungan

yang lebih rapat dan memandu serta menasihatkan pembesar-pembesar mereka.

Langkah berikutnya, pembesar-pembesar Rumbau telah dipanggil mengikut senarai — Orang Besar

Penghulu Yang Empat, Lembaga Tiang Balai Yang Lapan, dan Lembaga Yang Duabelas (Gullick, 1976: 14).

Ini diikuti oleh pembacaan satu senarai 14 tuduhan terhadap Datuk Haji Sahil yang dilakukan oleh

Swettenham yang menjadi penerjemah bahasa resmi 'pembicaraan' itu. Tuduhan yang dibacakan itu

termasuk "melakukan pembunuhan atau homisid dan berkelakuan tidak adil" (Shurifa Khan, 1986:

48). Selepas setiap satu tuduhan itu dibacakan, Datuk Haji Sahil sebagai tertuduh telah diminta

membela diri. Datuk Haji Sahil telah menolak terus tuduhan yang pada pandangannya dijangka

mengikut adat ataupun menyatakan beliau tidak ingat lagi mengenainya kerana peristiwa itu telah lama

berlaku (Thio, 1969: 37). Weld menganggap semua hujjah dan sebab yang diberikan oleh Datuk Haji

Sahil sebagai "terlalu lemah" (Shurifa Khan, 1986: 48).

Satu perdebatan telah terjadi apabila Datuk Haji Sahil menjawab tuduhan mengenai pembunuhan

Laksamana Budin. Dalam kes ini Raja Idris telah mengambil suatu kenyataan yang panjang dari-

pada Karim, orang yang melakukan pembunuhan sebenarnya. Kenyataan itu telah diperolehnya

melalui perhubungan peribadi iaitu tanpa kehadiran Datuk Haji Sahil. Datuk Haji Sahil telah menyang-

kal tuduhan itu. Beliau menyatakan bahawa pada masa kejadian itu berlaku beliau tidak di Rumbau.

Datuk Haji Sahil gagal mematahkan tuduhan bahawa beliau telah menyebabkan atau menggarahkan

orang lain melakukan pembunuhan itu walaupun terdapat beberapa percanggahan mengenai

tarikh-tarikh dalam bukti dan keterangan yang dikumpulkan (Gullick, 1976: 14). Berkaitan dengan

perkara ini Weld berpendapat bahawa Datuk Haji Sahil telah gagal memberikan "keterangan yang meyakinkan" dalam membela diri (Shahfa Khan, 1986: 48).

Setelah kesemua tuduhan dibacakan dan dijawab pula oleh Datuk Haji Sahil, Weld sebagai 'hakim' dalam pembicaraan malam itu telah mengulas bahawa beliau bukannya mengadil Datuk Haji Sahil atas tuduhan 'membunuh' tetapi atas salah perintahnya yang menyebabkan sebahagian besar daripada pembesar-pembesar Rembau sering kali menyatakan bahawa mereka telah bersedia dan berkemampuan untuk menyerang dan memecatnya dengan paksaan bersenjata. Pada pandangannya sikap Datuk Haji Sahil terhadap Kerajaan British tidak pernah seperti sepatutnya. Dengan itu beliau tidak dapat menyokongnya lagi. Pilihan yang ada hanya perang saudara atau dipecat (Gullick, 1976: 14). Weld telah menyatakan kesimpulannya bahawa Datuk Haji Sahil, selepas melakukan "pembunuhan" tidak mungkin lagi menjadi penghulu. British tidak dapat menyokong penjenayah. Beliau tanpa ragu-ragu menyatakan keputusannya, walaupun menyedari bahawa dengan itu beliau telah secara langsung mencampuri hal ehwal Kerajaan Rembau. Beliau dengan tegas memutuskan Datuk Haji Sahil mesti dipecat (Shahfa Khan, 1986: 48-49).

termasuk Datuk Haji Sahil

Sesudah memberikan 'pandangan'nya, Weld telah meminta orang-orang yang tidak berkenaan /

meninggalkan majlis melainkan pembesar-pembesar Rambau, Raja-Raja Melayu dan Pegawai Inggrs.

Beliau memberitahu datuk-datuk lembaga yang mereka harus menyatakan pendirian sama ada Datuk

Haji Sahil dipecat atau tidak (Gullick, 1976: 14). Namun dengan tegas Weld mengingatkan pem-

besar itu mengenai kesimpulannya yang telah dinyatakan sebelum itu. Tegasnya walaupun Weld

memberi peluang namun pada hakikatnya, suasana dan keadaan tidak mengizinkan datuk-

datuk lembaga membuat pilihan mengikut aturan perlembagaan Rambau kerana secara tidak

langsung tetapi tegas Weld telahpun memutuskan bahawa Datuk Haji Sahil mesti dipecat

Justeru itu, datuk-datuk lembaga, baik yang pro Datuk Haji Sahil mahupun yang menentangny

enggah memberi pengundian. Mereka telah menyerahkan kepada Weld untuk membuat keputusan

(Sheifa Khan, 1986: 49).

Keputusan dan 'nasihat' yang dilaksanakan ke atas pembesar-pembesar Rambau itu menimbulkan

kan beberapa persoalan di kalangan sejarawan. Antara persoalan tersebut adalah:

(a) Mengapa datuk-datuk lembaga yang 'kuat' dengan adat dan 'tidak berat

sebelah' tidak bersuara lantang untuk menyalahkan pemecatan Datuk Haji Sahil

mengikut luras-luras adat?

(b) Mengapa pula penyokong-penyokong Datuk Haji Sahil tidak bersuara kuat

menyokong Datuk Haji Sahil? (Sheifa Khan, 1986: 49);

atau:

(c) Mengapa datuk-datuk lembaga itu tidak menyuarakan sama ada mereka me-

nyolsong atau tidak pemecatan Datuk Haji Sahil?

(d) Adakah dengan tiadanya suara tersebut bermakna ketidakpuasan hati datuk-

datuk lembaga itu terhadap Datuk Haji Sahil tidak seserious andaian British (Webb)?

(e) Adakah mereka takut bersuara kerana tidak mahu menyakitkan hati Datuk Haji

Sahil? (Thio, 1969: 37).

Persodan tersebut terjawab sendirinya memandangkan yang Datuk-Datuk Lembaga Rimbau yang

hadir di "mahkamah kangaroo" Weld itu, sejak dari awal lagi berada dalam ancaman British.

Ancaman itu, walaupun tidak jelas tetapi telah dipamerkan melalui tunjuk kuasa oleh kapal perang

KDR Foxhound dan pasukan polis. Kewujudan ancaman ini adalah diakui sendiri oleh Weld seperti

dinyatakan di atas, semasa membuat persediaan untuk mengadakan 'perjumpaan' itu.

Sehubungan dengan ketidakbersuaraanya datuk-datuk tersebut, Weld dalam laporannya ke

London pada 7 April 1883 telah memberikan gambaran yang lain. Tanpa penekanan kepada adanya

elemen paksaan dan ancaman yang kuat, Weld menerangkan bahawa kebanyakan daripada mereka

berada dalam keadaan serba salah. Mereka takut hendak menentang Datuk Haji Sahil secara ter-

buka kerana jika lawa beliau gagal dipecat mereka berada dalam bahaya. Sheriff Khan (1986: 47)

pula berpendapat mereka tidak mahu menyuarakan pendapat kerana, sebagai orang bangsat, mereka kebodian kepada Weld. Mereka yang meminta Weld menjadi pengantara maka mereka tidak mahu menyuarakan pendapat yang mungkin bertentangan dengan kehormatan Weld. Mereka tidak mahu menjatuhkan air muka Weld. Gullick (1976: 14) telah menyatakan bahawa pembesar-pembesar tersebut telah menggunakan kesempatan tersebut menggunakan pihak British menghapustkan suatu masalah yang sukar mereka selesaikan sendiri. Untuk menyelesaikan masalah itu, langkah pertama harus diambil dan Weld telah melakukannya dengan menyatakan bahawa selepas mendengar dan melihat adalah tidak mungkin yang Datuk Haji Sahil berterusan menjadi Datuk Penghulu. Setelah diputuskan bahawa Datuk Haji Sahil terpaksa Weld berjanji akan menghantarnya (dalam buangan) ke Singapura. Beliau atau adiknya tidak dibenarkan lagi tinggal di Rembau. Weld juga berjanji akan mumpasikan yang Datuk Haji Sahil dan keluarganya tidak keluarkan dalam segala aspek. Keputusan ini telah diterima tanpa sebarang bantahan (Gullick, 1976: 14).

Selanjutnya Weld memaklumkan bahawa Haji Mustapha tidak boleh diantik menjadi penghulu yang baru. Beliau telah ditolak oleh sebahagian besar rakyat Rembau dalam pemilihan dahulu (1872) dan tidak pernah diiktiraf oleh kerajaan British (Shehri Khan, 1986: 49). Sebagai balasan, pembesar-pembesar Rembau meminta supaya menyerahkan semua pusaka yang dipertuan Muda dengan Syed Hamid sebagai calun. Weld telah menolak permintaan itu kerana mengikutnya ramai — malahan majoriti datuk

lembaga sendiri — menentang pertantikan itu; dan menyatakan bahawa untuk selama pemerintahan tiga orang

Penghulu, pusaka itu sudah tiada. Dengan itu, Rumbau tidak perlu lagi mempunyai Yang Dipertuan Muda

atau kasidatan (Gullick, 1976: 15) kerana pembesar dan rakyat Rumbau boleh merujuk kepada Gabenor

jikalau perlu (Sheriffa Khan, 1986: 49). Dengan itu juga Syed Hamid di'sahkan haknya ke atas

Tampin dan segala alat senjata yang dirampas dalam tahun 1880 dipulangkan semula. Beliau

juga mengakui hak Syed Hamid ke atas tanah perkuburan nenek moyangnya yang terletak di kawasa-

an Rumbau tetapi buat ketika itu, tidak dibenarkan tinggal di kawasan tersebut untuk mengetahui

kebumih'tan.

Berkenaan dengan permintaan Haji' Mustapha untuk memulakan kerajaan Rumbau di bawah

naungan Yang Dipertuan Besar Seri Menanti, juga telah ditolak oleh Weld. Weld berpendapat

kedudukan kerajaan Rumbau dengan Seri Menanti harus mengikut perjanjian 1876 yang tidak

memasukkan kerajaan Rumbau sebagai 'adik Negeri-Negeri Bersekutu itu. Dengan itu, Negeri

Rumbau tidak ada kaitan dengan Yang Dipertuan Besar Seri Menanti. Keputusan Weld mengenai

Haji' Mustapha, Syed Hamid dan Yambuan Antah tidak menerima sebarang bantahan (Sheriffa Khan,

1986: 49-50).

Weld kemudian telah meminta supaya mereka melantik Penghulu Rumbau yang baru. Sebelum

itu, Weld mengarahkan mereka berbaik-baik terlebih dahulu, dan melupakan pertisura lama. Arakan

Weld itu telah dipatuhi. Sesudah bersalaman, Weld memberitahu bahawa mereka bebas untuk memilih dan melantik. Beliau akan menerima sesiapa sahaja yang mereka pilih secara sebulat suara. Weld berjanji akan mengkerjankannya walaupun dengan menggunakan kekerasan jika perlu; dan akan menyokongnya selagi ia memerintah dengan adil serta memberi nasihat apabila menghadapi masalah. Pembesar Rembau bagaimanapun berkeras agar Weld mengamalkan calunnya dan Weld telah menunjuk Datuk Menteri Lela Perkasa yang pada pendapatnya adalah orang yang adil dan mempunyai hubungan baik dengan kedua belah pihak. Sebelum meninggalkan bituk itu, Weld telah memberitahu mereka tetap bebas membuat pilihan.

Pada jam 2.40 pagi Weld, Raja-Raja Melayu dan pegawai Inggeris telah keluar dari bituk meninggalkan pembesar-pembesar Rembau untuk berunding memilih calon, dan meninggalkan seorang penjaga pintu dengan arahan tiada sesiapa pun boleh masuk atau keluar bituk tersebut. Beberapa minit sebelum jam 4.00 pagi, 31 Mac, Weld dengan pembesar-pembesar lain masuk semula dan mendapati datuk-datuk lembaga itu telah berpecah kepada beberapa kelompok kecil. Mereka memberitahu Weld bahawa Datuk Menteri Lela Perkasa buat ketika itu tidak boleh di'calunkan dan dilantik sebagai Penghulu kerana beliau se waris dengan Datuk Haji Sahil, waris suku Biduanda Jakun. Dengan terpacatnya Datuk Haji Sahil, pusaka Penghulu harus di'gelarkan kepada waris Jawa suku Biduanda (Gullide, 1976: 15). Mereka se-

baliknya telah memilih Datuk Mangkubumi Abdul Samad; tetapi beliau telah menolak pencalonan itu.

Dengan itu mereka telah memilih Datuk Syahbandar Serun bin Sidin sebagai Penghulu Rembau yang

baru. Datuk Haji Sahil telah dijemput dan diberitahu keputusan bahawa beliau telah dipecat dan

dibuang ke Singapura (Sheriff Khan, 1986: 50). Berita ini telah diterima oleh Datuk Haji Sahil dengan

tenang dan kemudian selepas 'persidangan' itu ditangguhkan mereka semua telah minum kopi

bersama (Gullick, 1986: 15).

Pada siang hari 31 Mac, Weld telah mengadakan suatu perhimpunan umum, di mana beliau

telah memaklumkan keputusan 'mahkamah' itu dengan suatu adat istiadat ringkas. Suatu perjanjian

juga telah dipersejuti antara Kerajaan-Kerajaan British dan Rembau. Perjanjian itu, bukan sahaja

ditandatangani oleh pembesar-pembesar Rembau tetapi juga oleh wakil-wakil daripada negeri-

negeri Melayu lain yang hadir. Dengan itu, secara tidak langsung mereka telah terlibat dalam

satu persekutuan untuk membantu, di bawah arahan Kerajaan British, menjaga keamanan dalam

semua negeri Melayu dan mempertahankan persetujuan tersebut. Perjanjian itu telah diucapkan

oleh Weld dalam perhimpunan tersebut, iaitu:

PERJANJIAN DENGAN REMBAU

31hb. Mac 1883.

- (1) Bahawasanya ada beberapa banyak perselisihan telah berlaku di Negeri Rembau dan rakyat Rembau selalu membual pengucuan

kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat menyatakan bahawa adat yang turun temurun itu tidak dituruti lagi dan banyak perkara yang tidak betul telah diabaikan dan berbagai kesalahan telah berlaku dan orang-orang yang melakukan kesalahan itu tidak pula dihukum dan semuanya itu memberi akibat tidak puas hati dengan keadaan yang berjalan sekarang. Maka semua Datuk Lembaga dan Datuk-Datuk yang berhas dan bersuara dalam hal ini telah mengadakan perjumpaan di Melaka pada hari ini dan adalah nyata bahawa Haji Sahil, Penghulu Rembau tidak mengindahkan adat dan undang-undang Rembau yang turun temurun dan telah melakukan perbuatan yang tidak adil dan ramai daripada Datuk-Datuk Lembaga dan Pembesar-Pembesar nekad tidak mahu lagi mengikut pemerintahnya — mereka sekarang dengan kebenaran Gabenor, memecat Haji Sahil, dan dengan ini tiada lagi menjadi Penghulu Rembau.

(2) Datuk-Datuk Lembaga dan rakyat Rembau sekarang ini dengan sebuah suara melantik Serun bin Sidin menjadi Penghulu Rembau, dan Tuan Yang Terutama Gabenor, bagi pihak Kerajaan British dengan ini mengiktiraf Serun bin Sidin sebagai Penghulu Rembau.

(3) Dalam segala kesukaran atau perselisihan, penandatanganan perjanjian ini bersetuju mujukannya kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, dan akan mematuhi keputusannya,

(4) Dengan ini adalah dipersetujui oleh semua telah menurunkan cap motor atau tandatangan pada surat perjanjian ini bahawa mereka akan mematuhi syarat-syarat perjanjian ini, dan akan bersama-sama membantu dalam menegakkan peruntukan-peruntukan dan menghukum sesiapa yang melanggar sebarang perkara tersebut (Gullick, 1976:15-16).

Versi di atas adalah seperti yang terdandung dalam perutusan resmi Weld ke London yang dikemukakan

pada 7 April 1883. Pembesar-Pembesar yang telah menurunkan tanda dan tandatangan pada 31 Mac seperti

yang di'irimkan oleh Weld kepada Derby, Menteri bagi Tanah Jepahan adalah seperti berikut:

Tanda atau tandatangan Datuk-Datuk Rembau	Tanda dan Tanda Raja-Raja dan wakil-wakil Seri Menanti, Perak, Selangor dan Sungai Ujung.
(1) Datuk Penghulu Berlanitis, Datuk Penghulu Sedia Raja, Serun bin Syed [sic]	(1) Yam Tuan Seri Menanti, Antah
(2) Datuk Gempa Maharaja Amin	(2) Ketua Hakim Perak, Dri's
(3) Datuk Merbanges Salleh	(3) Anak Sultan Selangor, Kahar
(4) Datuk Sangsara Pahlawan Jait	(4) Anak almarhum Sultan Selangor
(5) Datuk Banges Balang Abdul Karim	(5) Datuk Kelana Sungai Ujung, Dasoh
(6) Datuk Seri Mahangia Leman	(6) Datuk Bandar Sungai Ujung, Ahmad
(7) Datuk Sinda Maharaja Dollah	(7) Datuk Muda Linggi
(8) Datuk Andika Shariff	(8) Syed Hamid, Raja Tampin akan menanda- tangani kemudian.
(9) Datuk Mandatika Bakar (1)	
(10) Datuk Mandatika Sail (2)	(Gullick, 1976: 16).

Ada beberapa perkara yang harus ditarik perhatian mengenai versi yang dibacakan oleh Weld dan

kemudian ditahirkan ke London dengan versi yang diterbitkan semula oleh Maxwell dan Gibson (1924:

50-51) yang pula di'irjemahkan oleh Samad Idris (1968: 217-219). Antara kedua-dua versi surat

perjanjian tersebut terdapat sedikit perbezaan. Antaranya adalah:

(a) Susunan kata versi Weld kepada Derby (Versi Weld) adalah berbeza dari

versi Maxwell dan Gibson (Versi Maxwell), yang mungkin versi terjemah dan adalah

lebih tepat.

(b) Format antara kedua versi itu juga berbeza. Versi Maxwell memalutukan

tiga perkara sahaja. Perkara I dan II versi Weld menjadi mukaddimah versi

Maxwell. Perkara III dan IV menjadi perkara III dalam versi Maxwell dan butirnya

juga agak berbeza. Perkara III versi Maxwell berbunyi:

Apabila ada berlaku pergaduhan atau perselisihan di Negeri
Rembau, Penghulu dan Datuk-Datuk serta penduduk Rembau
berhajat hendak merujukannya dengan Tuan Yang Terutama
Gabenor Negeri Negeri Setar, dan apa-apa keputusan yang
diberikan oleh Gabenor maka mereka yang telah menandatangani
nama mereka di atas Surat Perjanjian ini akan menerima
dan mematuhi. (Maxwell dan Gibson, 1924: 50; Samad
Idris, 1968: 218).

Hanya perkara II versi Weld dan perkara I Maxwell sahaja yang mempunyai per-

samaan.

(c) Nama-nama dalam kolom kiri dan kanan (di atas) ada yang berbeza antara

kedua versi.

(1) Perbezaan pada kolom sebelah kiri adalah:

Versi Weld

Versi Maxwell

(i) Datuk Penghulu Berlantik, Datuk

Datuk Penghulu Sedia Raja Serun bin

Penghulu Sedia Raja Serun bin Syed,

Sidin,

(li) Datuk Sangsara Pahlawan Jait. Datuk Sangsura Pahlawan Haji Jayah.

(lii) Datuk Bangsa Balang Abdul Karim. Datuk Bangsa Balang Haji Abdul Karim.

(2) Perbezaan pada kolum sebelah kanan:

(ci) Yam Tuan Seri Menanti, Antah. Tunku Antah Yamtuan Seri Menanti.

(cii) ketua Hakim Perak, Driis. Raja Idris bin Raja Iskandar (Perak).

(ciii) Anak Sultan Selangor, Kahar. Raja Kahar bin Yang Dipertuan, Selangor,
Wakil Sultan Abdul Samad (Selangor).

(civ) Anak almarhum Sultan Selangor. Raja Laut bin Abdul Samad (Selangor).

(cv) Datuk Kelana Sungai Ujung, Dosoh. Datuk Kelana Sungai Ujung.

(cvi) Datuk Muda Linggi. Datuk Muda Linggi (Sungai Ujung).

(cvii) Syed Hamid, Raja Tampin..... Sharif Hamid bin Sharif Shaaban Alkadri
(Tampin).

(cd) Susunan nama senarai kolum kanan versi Weld juga berlainan. Susunan nama

versi Maxwell adalah seperti berikut:

Tunku Antah Yamtuan Seri Menanti

Raja Idris bin Iskandar, (Perak)

Raja Kahar bin Yang Dipertuan, Selangor, wakil Sultan Abdul Samad (Selangor)

Raja Laut bin Abdul Samad (Selangor)

Sharif Hamid bin Sharif Shaaban Alkadri (Tampin).

Datuk Kelana Sungai Ujung

Datuk Bandar Ahmed (Sungai Ujung)

Datuk Muda Linggi (Sungai Ujung).

(ce) Nama Raja Laut bin Abdul Samad (versi Maxwell) tidak ada pada versi Weld.

Nama ini menggantikan "Anak almarhum Sultan Selangor" iaitu Raja Abdullah.

(cf) Dalam versi Weld Syed Hamid dan anak almarhum Sultan Selangor tidak

menurunkan tandatangan mereka.

Keujudan dua versi Perjanjian itu telah menimbulkan beberapa persoalan. Persoalan yang paling dasar ialah mengapa harus ada dua versi? Jikaalaupun versi Maxwell itu terjemahan, mengapa terdapat sedikit kelainan seperti yang dinyatakan di atas? Mengapa orang yang menandatangani versi Maxwell (iaitu Raja Laut bin Abdul Samad) harus berlainan daripada versi Weld (anak almarhum Sultan Selangor)? Bagaimanapun secara keseluruhan Perjanjian 1883 itu adalah satu perjanjian penting dalam perkembangan sejarah Kerajaan Rembau dan Adat Perpatih sebagai suatu tamadun.

Orang yang sangat berpuas hati dengan keputusan mahkamah kangaroo itu dan seterusnya ter-maklumlah Perjanjian itu adalah Gabenor Weld. Weld telah berjaya mencapai cita-citanya. Perkara yang menghantui fikirananya — Datuk Haji Sahil, masalah Rembau — Tampin dan Maharaja Abu Bakar — telah berjaya diselesaikan dan diatasi sebagaimana kehendak hatinya. Haji Sahil telah dipecat. 'kekacauan'... Rembau — Tampin dapat ditamatkan. 'kepentingan' dan 'kekuasaan' serta pengaruh Maharaja Abu Bakar dalam hal ehwal Rembau telah dapat dimatikan. Kerajaan Rembau mulai tarikh itu diperintah oleh seorang Penghulu yang telah dipilih secara 'kebalakan adat', atas ancaman British, oleh rakyat Rembau. Penghulu baru kerajaan Rembau adalah seorang yang 'mudah dipengaruhi' British, kerana 'terhutang budi' kepada Weld. Justeru itu, Pembesar-Pembesar Rembau telah menyatakan kesediaan mereka mendapatkan nasihat British.

Malahan ini terbukti beberapa hari selepas tertandatangan Perjanjian itu apabila Kerajaan

Rembau telah memohon nasihat Residen Kounselor Melaka membantu mereka membentuk suatu

sistem pemungutan hasil. Yang penting bagi Weld, Kerajaan Rembau pada pendapatnya, telah

bersedia untuk menerima pembangunan perdagangan dan perlombongan bijih timah⁽⁵⁾ (Shurifa Khan, 1986: 51).

Sebaliknya kepada Kerajaan Rembau dan keberfungsian Perlembagaan Adat Perpatih, Per-

janjian itu adalah titik tolak kemerosotan kedaulatan dan kewibawaan serta kemalapan se-

mangatnya. Sehari sebelum tertandatangan Perjanjian itu, Isenggulan semangat perlembaga-

an adat Kerajaan Rembau dan pengamalannya telah dicabar oleh mahkamah kangaroo Weld

di Melaka. Ke fungsian dan pengamalan Undang-Undang Adat Rembau dicabar oleh Undang-

Undang British; bukan di wilayah mana ia dipraktiskan tetapi di wilayah luar di mana kuasa

Undang-Undang British berkuatkuasa dan di bawah pengawasan kekuatan senjata British.

Dari data-data yang berkaitan dengan peristiwa bersejarah pada 30-31 Mac 1883 nyata bahawa

Undang-Undang Adat Rembau telah dipermain-mainkan oleh British dan juga oleh pembesar-pembesar

adat atau tunggak adat kerajaan Rembau sendiri. Keadaan ini dapat dilihat, antara lain, dari

aspek:

(1) Kekuasaan Penghulu dalam menjalankan fungsinya mengikut lunas-lunas

perlembagaan telah dicabar dan akhirnya dipersalahkan sebagai suatu tindakan

jenayah homisid.

(b) Pembesar-Pembesar adat tidak lagi mengamalkan sepenuhnya peraturan adat

— mereka lebih mementingkan kebendaan dan diri sendiri^(x) daripada kemurnian

sistem dan masyarakat adatnya — sehingga mereka sendiri mengenyapkan Undang-

Undang yang telah diamalkan oleh nenek moyang dengan meminta 'penghalaqman'

daripada orang luar, seolah-olah berhukumkan kepada mereka di hutan.

(c) Kudemokrasian sistem pencalonan dan perantikan pemimpin Kerajaan Rembau

dipersendahkan oleh British, khususnya Weld apabila beliau mengistiadatkan

perantikan pengganti Datuk Haji Sahil dengan mendapatkan 'kebulatan' yang di-

paksa di bawah kekuatan senjata.

Kerajaan Weld mencampuri proses pemecatan dan pencalonan serta pemilihan Penghulu Rembau

adalah suatu kerajaan yang revolusioner. Beliau dapat melaksanakannya di kala sistem itu sedang

kuat diamalkan dan dipraktikkan dalam tuadannya yang hampir murni. Pengamal-pengamalnya

pula belum lagi, jikalau pun ada masih minima, menerima nilai-nilai atau budaya baru yang ber-

lainan dengan sistem Adat Perpatih. Tetapi lebih kurang 100 tahun selepas kerajaan mahkamah

Kangaroo Weld itu, suatu krisis perantikan Penghulu (kini dipanggil Undang) walaupun

tidak di Rembau, telah berlaku lagi. Keadaan persekutuan di masa krisis terakhir disebut itu berlaku bertahun sekali jika dibandingkan dengan zaman Weld. Pada hari ini perlembagaan adat itu tidak berfungsi lagi, dan sistem Adat Perpatih itu, jika pun dipraktikkan oleh masyarakatnya adalah paling minima. Tegasnya keadaan yang berlawanan dengan keadaan zaman Weld; tetapi kenyataan Hakim Persekutuan yang menghadapi krisis itu apabila ia dibawa ke mahkamah moden yang legal adalah bertentangan dengan pelaksanaan Weld satu abad yang lalu. Mahkamah Persekutuan yang mempertimbangkan rayuan terhadap kes tersebut pada 26 September 1980 berpendapat yang disuarakan oleh Salleh Abas, Hakim Persekutuan, bahawa "mahkamah tidak mempunyai kuasa dalam perkara ini" [iaitu pencalunan dan perantikan Undang Jelebu] (Malayan Law Journal, Januari 1981: 34).

'kerapatan' Pembesar-Pembesar Rembau di Melaka anjuran kerajaan British pada 30 Mac itu pada hakikatnya mempunyai maksud berlapis. Secara nyata 'kerapatan' itu telah memecat dan kemudian membuang Datuk Haji Sekul. Secara tidak langsung 'kerapatan' itu juga telah 'mengenehi' dan kemudian 'meninggalkan' atau 'memberhentikan' pengamalan perlembagaan adat kerajaan Rembau. Sama ada Pembesar-Pembesar Rembau menyedari atau tidak akan maksud kedua yang terakhir tidak dapat dipastikan. Apa yang jelas ialah sebelum mereka dapat memulihkan atau mempersembahkan tindakan dan keputusan di atas serta implikasinya kepada kerajaan Rembau

mereka telah disogokkan pula dengan Perjanjian 31 Mac 1883.

Perjanjian 1883 itu, walaupun tidak meletakkan Rembau terus di bawah naungan Inggeris tetapi ianya adalah suatu dokumen penghinaan kepada kerajaan dan perkembangan adat kerajaan Rembau. Rembau adalah negeri induk kerajaan Negeri Sembilan tradisi (Khoo Kay Kim, 1977/78: 5) dan menjadi pusat politik, kebudayaan dan sosial Negeri Sembilan. Sebagai pusat sosio-politiko-budaya orang-orang Rembau sehingga awal abad ke 20 masih dianggap sebagai orang yang paling konservatif daripada sebuah bangsa yang konservatif (Taylor, 1925: 5) dan pada pertengahan kedua abad ke 20 masyarakat Rembau masih dianggap sebagai masih tidak berubah daripada pola asalnya (Mohd. Said 1968). Oleh sebab Rembau adalah pusat bagi kerajaan 'negeri sembilan' tradisi, dan untuk sekian lama berjaya bertahan diri daripada tekanan dan ancaman 'kekuasaan' penjajah maka kejatuhananya sengaja dirancang secara paling memalukan — mencahar kekuatannya dan kerdanya perkembangan adatnya melalui mahkamah kangaroo Weld dengan tujuan sebagai contoh kepada kerajaan adat yang lainnya. Perjanjian 1883 itu adalah dokumen politis bagi melancarkan sebuah kerajaan Melayu beradab!

Ironinya ialah peristiwa bersejarah 30-31 Mac 1883 dapat dianggap sebagai kesinambungan kepada peristiwa tahun 1830-an, ia dimulakan oleh ketamakan dan keinginan anak bekas pernyandang Institusi Yang Dipertuan Renda Rembau berkuasa semula. Jikalau di zaman ayahnya

Syed Syaaban, Rumbau terpaksa berpisah dengan Tampin dan berhudud dengan Simpang, maka

pada zaman Syed Hamid pula Rumbau hilang segala-galanya! Perjanjian 31 Mac 1883 itu, walaupun

pun dari segi lahirnya Rumbau masih mengekalkan kedaulatannya, secara semangar kerajaan

Rumbau adalah di bawah naungan British. Dengan kejayaan British di Rumbau itu bermula benteng

pertahanan Negeri Sembilan tradisi roboti; pengaruh British ke atas negeri-negeri lain yang munganggotai

Persekutuan Negeri Sembilan tradisi berada dalam keadaan yang semakin cerah, malahan kerajaan

Jelebu yang terletak jauh di bahagian pedalaman dapat dikuasainya dengan mudah. Justeru itu,

Perjanjian Rumbau-British 31 Mac 1883 itu adalah titik tolak menuju ke era baru, bukan sahaja bagi

kerajaan Rumbau tetapi juga kerajaan-kerajaan rantau Minangkabau yang lain di pantai barat Semenanjung

Tanah Melayu!

Notakaki

Bab Lima Belas

PENEGATAN DATUK HAJI SAHL

- ① Lord Clifford adalah saudara Weld melalui hubungan pernikahan.
- ② Yang hadir dalam 'mahkamah' tersebut adalah sembilan orang bukan lapan sebagaimana sepatutnya kerana terdapat dua orang penyandang pusaka Datuk Mandaita, iaitu Abu Bakar dan Sahl.
- ③ Tidak semua Datuk Lembaga Yang Duabelas itu hadir. Seorang daripada mereka berada 'di luar' Kerajaan Rembau dan dua buah pusaka lembaga masih kosong (Gullick, 1976:13).
- ④ Laporan Gullick ini agak berbeza dengan catatan Thio (1969: 35) dan Sherifa Khan (1986: 47) seperti dinyatakan di bahagian akhir Bab sebelum ini yakni Datuk Haji Sahl yang memintai Rembau diletakkan di bawah sistem Residen.
- ⑤ Semasa dalam penguasaan ini Datuk Haji Sahl telah diberi perken sebanyak \$500.00 sebulan. Kerajaan Inggeris akan menolak sebanyak \$50.00 daripada jumlah itu setiap kali Haji Sahl meninggalkan Singapura dan balik ke Rembau. Haji Sahl telah balik ke Rembau untuk beberapa kali. Kali terakhir ia balik adalah di sekitar tahun 1910-an. Pada ketika itu pencennya hanya tinggal \$250.00 sahaja sebulan. Selepas itu beliau tidak balik lagi ke Singapura melainkan tinggal di Kampung Tanah Datar Chungkau sehingga beliau meninggal dunia di sekitar tahun 1913.

